

Harian Metro
12 December 2017

## INSURANS HAYAT SEMURAHRM5 semulajad Untuk

■ U Mobile bersama Sun Life Malaysia tawar pakej perlindungan berpatutan dan mampu milik



Nabil Basaruddine

nabil.basaruddin@ hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

yarikat telekomunikasi. U Mobile Sdn Bhd (U Mobile) terokai segmen perniagaan baru dengan memperkenalkan GOLIFE, pakej insurans hayat mikro mudah ailih yang ditawarkan pada harga serendah RM5 dan RM10

Produk terbaru itu adalah hasil kerjasama strategik U Mobile bersama Sun Life Malaysia, syarikat penyedia perkhidmatan insutans hayat dan Takaful di Malaysia, sekali gus mewujudkan tawaran pakej insutans hayat mikro yang berpatutan dan mampu milik.

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif U Mobile, Wong Heang Tuck berkata, menerusi pengenalan produk tersebut, ia telah menjadikan U Mobile sebagai syarikat telekomunikasi pertama yang menawarkan produk sedemikian dalam pasaran ketika ini.

pasaran ketika ini.
Beliau berkata, menyedari kepentingan dan keperluan untuk memiliki insurans hayat membantu pihaknya untuk mewujudkan produk pertama seumpama itu dalam pasaran tempatan khususnya dengan bantuan dan kerjasama penuh dari

Sun Life Malaysia.

Tambahnya lagi, U Mobile komited untuk memberikan kesedaran dan pendidikan khusus kepada lima juta pelanggan sedia ada serta bakal pelanggan baru akan

pentingnya mempunyai pegangan insurans hayat, lebih-lebih lagi dengan

tawaran yang berpatutan.
"Pengenalan produk
sebegini juga bersesuaian
dengan peredaran masa
memandangkan dunia
ketika ini menuju ke arah
teknologi dan dunia digitial.
Memandangkan kadar
pembelian dan pemilikan
telefon pintar semakin
meningkat di Malaysia,
kami yakin produk ini akan
mendapat sambutan.

"Dengan beberapa langkah mudah, pengguna U Mobile boleh membuat pembelian polisi insurans hayat mikro ini menerusi aplikasi mudah alih U Mobile

tanpa perlu menunggu lama.

"Malah, pembelian
polisi melalui aplikasi
mudah alih juga seiring

dengan inisiatif kerajaan untuk memperkasakan digital ekonomi yang dapat merangsang dan memberi manfaat kepada syarikat dan pelanggan setia kami," katanya kepada Bisnes Metro di Ibu Pejabat U Mobile di sini.

GOLIFE menawarkan dua pilihan insurans iaitu GOLIFE5 dan GOLIFE10 di mana masing-masing ditawarkan pada harga mampu milik serendah RM5 dan RM10 kepada semua pelanggan setia U Mobile untuk menikmati perlindungan hayat ini.

Bagi produk GOLIFES, pengguna bakal dilindungi dengan kadar sehingga RMIS,000 bagi perlindungan membabitkan kematian ataupun kehilangan upaya kekal menyeluruh atas sebab semula jadi. Untuk GOLIFEIO pula, dengan hanya premium bulanan bernilai RMIO, pengguna akan menikmati kadar perlindungan sehingga RM38,000 yang membabitkan kematian atau kehilangan upaya kekal menyeluruh atas sebab semula jadi.

semula jadi.
Wong berkata, produk
GOLIFF adalah pilihan
tepat untuk dilanggan
memandangkan ia hanya
mengambil masa proses
transaksi yang cepat,
pendaftaran mudah dalam
talian dengan tuntutan
mudah dan pantas serta
60 hari tempoh jaminan
kepuasan

"Kami sentiasa memberikan keutamaan kepada para pelanggan setia U Mobile kerana jika mereka berpuas hati, la turut memberi manfaat kepada syarikat untuk menghasilkan lebih banyak inovasi produk pada masa akan datang.

"Malah dengan adanya produk seumpama ini, kami yakin pengguna akan terus menjadikan U Mobile sebagai telekomunikasi pilihan memandangkan ia bukan sahaja menumpukan kepada segmen telekomunikasi, tetapi menyeluruh seperti insurans hayat," katanya.

GOLIFE hanya layak bagi pengguna yang berumur 18 hingga 45 tahun dengan pembaharuan bulanan sebagai syarat perlindungan bagi kematian atau kehilangan upaya kekal menyeluruh akibat penyakit berjangkit tertentu serta 60 hari tempoh jaminan kepuasan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden' Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata, pihaknya memandang serius tentang kerjasama strategik ini yang bukan sahaja memberi kelebihan kepada keduadua syarikat, tetapi turut merancak kan sektor insurans hayat negara. Menurutnya, Sun Life

Menurutnya, Sun Life Malaysia mempunyai visi untuk menyediakan keselamatan kewangan sepanjang hayai kepada rakyat negara ini menerusi pelbagai strategi saluran pengedaran khususnya dalam rangkaian digital.

dalam rangkalan digital.

"Kerjasama kali ini menandakan inisiatif insurans atas talian dan kami begitu teruja untuk menawarkan produk insurans mikro yang begitu murah dan mudah diakses.

murah dan mudah diakses.

"Ia juga adalah selari dengan aspirasi kerajaan dalam mencapai kadar penembusan insurans hayat sebanyak 75 peratus menjelang 2020 yang dapat memperkukuh kan sektor terbabit," katanya.

GOLIFE boleh didapati

GOLIFE boleh didapati menerusi aplikasi mudah alih U Mobile dan laman webnya di www.u.com.my bermula Februari 2018.



WONG bersama Lew yakin dengan inisiatif insurans atas talia